

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 ( 81 )

12 November 2024  
10 Jamadilawal 1446

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 38/2024**

### **PERUBAHAN STRUKTUR AKADEMIK SEKOLAH PENDIDIKAN YANG DINAIK TARAF MENJADI FAKULTI SAINS PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) telah memperakukan kelulusan Mesyuarat Senat Bil. 11, Sesi 2023/2024 pada 28 Ogos 2024 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 17 September 2024 bagi cadangan menaik taraf Sekolah Pendidikan menjadi Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi / *Faculty of Educational Sciences and Technology (FEST)* di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui surat bertarikh 30 Oktober 2024.

2. Perubahan struktur akademik Sekolah Pendidikan yang dinaik taraf menjadi Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi adalah sebagai satu sokongan dalam merealisasikan agenda negara mengikut bidang tujuan *Technical and Vocational Education & Training* (TVET), *Artificial Intelligence* (AI), *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM); dan Ekosistem Pendidikan Holistik (EPH).
3. Objektif utama penaiktarafan Sekolah Pendidikan menjadi Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi ini adalah:
  - i. Memperkasakan Pendidikan TVET, STEM, AI dan Ekosistem Pendidikan Holistik.
  - ii. Melahirkan bakat dalam bidang Pendidikan STEM dan Kecerdasan Buatan (AI) selaras agenda pembangunan nasional.
  - iii. Melahirkan pendidik dan jurulatih TVET untuk Malaysia dan global.
  - iv. Menyediakan bakat holistik termasuk perantis sukan menerusi Ekosistem Pendidikan Holistik (EPH) yang merangkumi kesejahteraan mental dan fizikal.
  - v. Membangunkan kerangka kurikulum fleksibel dan pendidikan lestari.

4. Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST) akan mempunyai empat (4) jabatan seperti berikut;

- i. Jabatan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Termaju;
- ii. Jabatan Teknologi Pembelajaran Termaju;
- iii. Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik Inovatif; dan
- iv. Jabatan Pengajian Pendidikan dan Sains Tingkahlaku.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Sekolah Pendidikan yang dinaiktaraf menjadi Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST) berkuat kuasa mulai **30 Oktober 2024**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah